

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : LALUAN BASIKAL DAN BIKE-SHARING

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penyediaan laluan basikal di kesemua PBT di Selangor?
- b) Apakah status perlaksanaan bike-sharing seperti UBike di kesemua PBT di Selangor sebagai pelengkap kepada sistem pengangkutan awam?

JAWAPAN:

a)

1. Penyediaan laluan basikal di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telahpun dilaksanakan pada tahun ini. Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor menetapkan sasaran 1,000 kilometer laluan basikal bagi tempoh lima (5) tahun dengan mensyaratkan supaya PBT dapat menyediakan laluan basikal sekurang-kurangnya 15 kilometer bagi Majlis Bandaraya dan Perbandaran manakala 10 kilometer bagi Majlis Daerah dengan menggunakan peruntukan PBT sendiri.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, status penyediaan laluan basikal di kesemua PBT di Selangor adalah seperti berikut:

2.1. Projek Laluan Basikal Yang Telah Siap Dibina

- (a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - Di Damansara Damai Urban Park Cycleways (4.76km)
 - Di Taman Jaya Cycleways (1.2km)
 - Di Kota Damansara Community Forest Cycleways (7.2km)
 - Di PJS 10 Cycleways (10.64km)
 - Seksyen 52 City Centre Cycleways (5.0km)
- (b) Majlis Daerah Kuala Selangor
 - Di Persiaran Malawati, Jalan Semarak dan Jalan Perbandaran, Bandar Baru Kuala Selangor.
- (c) Majlis Perbandaran Sepang
 - Di Cyberjaya Fasa 1 (5.8km) dan Fasa 2 (13.7km)
 - Di Dengkil - Bandar Baru Salak Tinggi (2.4km)

2.2. Projek Laluan Basikal Yang Dalam Proses Pelaksanaan / Kerja-kerja awalan

- (a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - Di Kota Damansara Community Forest Cycleways (Fasa 2) (3 km)
 - Di Taman Medan PJS 2 Cycleways (2.2km)
 - Di Bandar Utama Cycleways (10km)
- (b) Majlis Perbandaran Klang
 - Di Taman Eng Ann (3km)
- (c) Majlis Daerah Kuala Selangor
 - Taman Bandar Hillpark (2.5km)
- (d) Majlis Daerah Sabak Bernam
 - Di Pekan Sekinchan – atas jalan sedia ada (9.5km)

2.3. Projek Laluan Basikal Yang Dalam Proses Tender / Sebutharga

- (a) Majlis Perbandaran Selayang
 - Di Jalan Persiaran 1, Jalan Persiaran 3, Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang (4.5km)
 - Di Selayang Mutiara, Bandar Baru Selayang dan Laman BBS (5km)
 - Di Jalan Persiaran 1, Taman Bidara (8.64km)
- (b) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 - Di Taman Bukit Indah (3.3km)
 - Di Taman Melawati (sepanjang Jalan Melawati 4 dan Jalan Melawati 3 – 5.7km)
 - Di Pandan Indah (Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Lembah Maju dan Taman Muda-3.45km)

2.4. Projek Laluan Basikal Yang Dalam Proses Perbincangan / Belum Dimuktamadkan di Peringkat Majlis

2.4.1. Dalam Proses Perbincangan Peruntukan di Peringkat Majlis

- (a) Majlis Bandaraya Shah Alam
 - Fasa 1 di Seksyen 14 (15 km)
- (b) Majlis Perbandaran Subang Jaya
 - Di Putra Heights (15.46km)

- (c) Majlis Daerah Hulu Selangor
 - Di Bandar Bukit Beruntong dan Bukit Sentosa (10.45km)

2.4.2. Belum Mendapat Kelulusan atau Dimuktamadkan di Peringkat Majlis

- (a) Majlis Perbandaran Klang
 - Kawasan Pandamaran (13km)
 - Bandar Bukit Raja (10km)
 - Sri Andalas (7km)
- (b) Majlis Perbandaran Kajang
 - Di Bandar Baru Bangi (31.28km)
 - Di Bandar Mahkota Cheras (5.4km)
- (c) Majlis Perbandaran Sepang
 - Di Cyberjaya Fasa 3 (4.6km)
- (d) Majlis Daerah Kuala Langat
 - Di Taman Banting Baru (5.98km)
 - Di laluan Jenjarom

2.5. Projek Laluan Basikal Yang Disyaratkan Kepada Pemaju Untuk Dilaksanakan

- (a) Majlis Daerah Kuala Langat
 - Bandar Saujana Putra : 2.21km
 - Bandar Rimbayu Fasa 1 : 4.5km
 - Bandar Rimbayu Fasa 2 : 10.5km
 - Bandar Rimbayu Fasa 3 : 4.225km
 - Bandar Rimbayu Fasa 4 : 1.468km
- b) Pada masa ini, pelaksanaan *bike-sharing* seperti Ubike di kesemua PBT di Selangor masih diperingkat kajian dan penilaian untuk memastikan kesesuaian lokasi bagi penyediaan infra serta kemudahan penyewaan basikal oleh syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan tersebut. Kerajaan Negeri mahupun PBT juga belum menentukan mana-mana agensi atau syarikat yang akan membekalkan perkhidmatan sewaan basikal kepada orang awam di lokasi-lokasi yang bakal ditawarkan. Namun begitu, pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya sedang mengkaji keperluan kemudahan sewa basikal yang ditawarkan oleh syarikat Obike dengan memberikan tempoh percubaan selama dua (2) bulan untuk menyediakan kemudahan penyewaan basikal di kawasan Subang Jaya bagi melihat permintaan serta penerimaan penduduk terhadap perkhidmatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : HALA TUJU DASAR PERBANDARAN DI NEGERI SELANGOR

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat dasar dan halatuju perbandaran di Negeri Selangor?
- b) Nyatakan strategi untuk mencapai matlamat tersebut.

JAWAPAN:

- a) Dasar dan halatuju perbandaran negeri telah diterjemahkan di dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri (RSN) Selangor 2035 yang mana telah diselaraskan dengan Rancangan Fizikal Negara(RFN) dan Dasar Perbandaran Negara (DPN) serta telah dipersetujui di Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B Dato' Seri Perdana Menteri pada 21 Julai 2016. Kerajaan Negeri Selangor melalui PLANMalaysia@Selangor telahpun menyediakan **RSN Selangor 2035 yang diwartakan pada 2 Februari 2017** melalui **Warta Negeri No Warta :301** dengan membentuk matlamat pembangunan berdasarkan kepada peranan dan kepentingan Negeri Selangor, hala tuju pembangunan negeri, serta visi dan misi yang telah digubal oleh Kerajaan Negeri melalui matlamat pembangunan iaitu :

'MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR SEBAGAI SEBUAH WILAYAH BANDAR YANG BERKEMBANG MAJU, MAMPAN DAN MAKMUR (THRIVING, SUSTAINABLE AND PROSPEROUS CITY REGION)'

Selaras dengan matlamat pembangunan tersebut, tiga teras strategi pembangunan dan halatuju telah dikenal pasti iaitu;

- i. Ke arah wilayah bandar berkembang maju;
 - ii. Ke arah wilayah bandar mampan; dan
 - iii. Ke arah wilayah bandar makmur.
- b) Bagi mencapai matlamat yang telah digariskan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui **PLANMalaysia@Selangor** turut membentuk strategi pembangunan masa hadapan melalui **Konsep Pembangunan Tertumpu Wilayah Bandar (City Region Development Oriented)**. Dimana konsep ini membolehkan bandar-bandar diberi pengkhususan fungsi-fungsi samada sebagai bandar kediaman, bandar industri, bandar perkhidmatan perniagaan atau sebagai bandar pentadbiran. Konsep ini sesuai digunapakai bagi

menghadapi cabaran globalisasi dan perubahan teknologi dimana wilayah bandar berperanan sebagai nodus spatial untuk bersaing didalam pasaran ekonomi global. Teras pembangunan dan halatuju strategik bagi mencapai matlamat yang dinyatakan telah digariskan seperti berikut;

1. Dalam Konteks **Ke Arah Wilayah Bandar Berkembang Maju**, Negeri Selangor selaku peneraju ekonomi Negara dengan menjadi penyumbang utama KDNK Negara serta menerima jumlah pelaburan yang tertinggi di Malaysia. Bagi mencapai matlamat Ke Arah Wilayah Bandar Berkembang Maju, enam (6) hala tuju strategik telah digariskan iaitu:
 - i. Peningkatan daya saing Selangor sebagai pemacu ekonomi negara dan pelonjakan ekonomi ke arah negeri berpendapatan tinggi .
 - ii. Penumpuan pembangunan industri keberhasilan tinggi, industri berasaskan pengetahuan *dan clean industry*.
 - iii. Peningkatan peranan Selangor sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara berteraskan pelancongan semulajadi, sukan dan warisan.
 - iv. Pengukuhan peranan Selangor sebagai destinasi membeli belah, penganjuran *event* bertaraf dunia, persidangan dan hospitaliti utama negara.
 - v. Penyediaan infrastruktur telekomunikasi dan bekalan utiliti yang mencukupi, boleh dipercayai dan efisien.
 - vi. Menjadikan Selangor sebagai hab pengangkutan pilihan di rantau asia.

2. Dalam Konteks **Ke Arah Wilayah Bandar Mampan**

RSNS 2035 juga telah mengariskan matlamat dasar pembangunan di Negeri Selangor bagi memastikan pembangunan fizikal Negeri Selangor secara teratur dengan mengambilkira keperluan mengimbangi pembangunan perbandaran disamping memelihara alam sekitar dan sumberjaya semulajadi. Bagi mencapai matlamat kearah wilayah bandar mampan, enam(6) halatuju strategik telah digariskan iaitu;

- i. Pendekatan pengurusan pertumbuhan perbandaran yang efektif.
- ii. Pembangunan sektor pertanian ke arah mendokong dasar jaminan bekalan makanan negara.
- iii. Pemuliharaan KSAS sumber semulajadi serta pemuliharaan sumber warisan.
- iv. Peningkatan kualiti alam sekitar ke arah kehidupan yang lebih sihat.
- v. Peningkatan sistem saliran dan pengurusan sisa yang lebih efisien dan efektif.

- vi. Peningkatan pengaplikasian teknologi hijau di dalam pembekalantenaga dan air, bangunan, pengurusan sisa dan sistem pengangkutan.

3. Ke Arah Wilayah Bandar Makmur

Pembangunan ke arah wilayah bandar makmur bertujuan untuk memastikan kesejahteraan penduduk Negeri Selangor terus terjamin seiring dengan pembangunan ekonomi dan fizikal. Kemakmuran di dalam konteks ini adalah penduduk Negeri Selangor berpeluang untuk menerima manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dari aspek penawaran peluang-peluang pekerjaan dan tinggal di dalam persekitaran kehidupan yang berkualiti. Bagi mencapai matlamat Ke Arah Wilayah Bandar Makmur, enam (6) hala tuju strategik telah digariskan iaitu:

- i. Pembangunan perumahan yang mencukupi, mampu milik dengan persekitaran yang berkualiti dan selamat.
- ii. Pembangunan kemudahan pendidikan, kesihatan dan keselamatan yang mencukupi dan berkualiti
- iii. Pembangunan kemudahan keagamaan, kemudahan awam, rekreasi dan sukan yang mencukupi, berkualiti dan inklusif.
- iv. Penyediaan sistem pengangkutan yang berkualiti, menyeluruh, boleh dipercayai (*reliable*), efisien dan mampan.
- v. Menjadikan perkhidmatan rel dan bas rapid transit sebagai pilihan utama sistem pengangkutan darat dengan menyediakan
- vi. an perkhidmatan yang bersepadu selamat, cekap dan *reliable* untuk penumpang dan barang.
- vii. Penyediaan bekalan air yang mencukupi, bersih dan boleh dipercayai (*reliable*).

Secara keseluruhannya melalui matlamat dan halatuju strategik pembangunan yang dinyatakan melalui konsep pembangunan yang dikenalpasti akan membentuk sebuah wilayah bandar yang seiring dengan status Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang pesat membangun dan paling maju di Malaysia serta mencapai aspirasi Negeri Selangor ke arah '**Membangun Bangsa Memakmur Negeri**'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BANJIR LUMPUR AKIBAT KERJA-KERJA PEMBANGUNAN

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kerajaan negeri mengatasi masalah banjir lumpur yang disebabkan oleh kerja-kerja pembangunan di Semenyih?
- b) Apakah kerajaan negeri mempunyai tabung untuk membayar pampasan kepada mangsa-mangsa seperti yang kerap berlaku di Jalan Bangi Lama dan sekitar Kampung Rinching?

JAWAPAN:

- a) Kompaun telah dikeluarkan kepada pihak pemaju yang mengakibatkan banjir serta arahan pembaikan juga dikeluarkan kepada pihak pemaju yang mengakibatkan kejadian banjir lumpur.
- b) Pihak MPKj telah mensyaratkan kepada pihak pemaju untuk membayar pampasan kepada penduduk yang terlibat dengan masalah banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PEMBANGUNAN WANITA SELANGOR

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program pembangunan intelek wanita muda yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah program khusus yang telah dilaksanakan untuk mengenal pasti keciciran pekerjaan di kalangan wanita muda bandar?
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan khas kepada wanita yang gagal dalam perniagaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap hal Ehwal Wanita dan Keluarga sentiasa merangka pelbagai program dan aktiviti berkaitan pembangunan dan pemberdayaan wanita dalam pelbagai aspek. Golongan wanita muda merupakan antara kumpulan sasaran yang penting dalam proses pembangunan sesebuah negeri mahupun negara.

Melalui statistik tahun 2016 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk di negeri Selangor adalah seramai 6,298,400 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,022,600 orang adalah wanita dan seramai 1,417,500 orang adalah terdiri daripada wanita muda antara umur 20 hingga 44 tahun. Berikut adalah statistik wanita di Selangor mengikut pecahan umur :-

Umur	Jumlah (Orang)
0 – 4	256,900
5 – 9	231,500
10 – 14	230,300
15 – 19	221,200
20 – 24	274,800
25 – 29	345,000
30 - 34	336,000
35 – 39	254,900
40 – 44	206,800
45 - 49	172,900
50 – 54	143,500
55 – 59	114,300

60 – 64	85,300
65 – 69	68,000
70 – 74	37,300
80 – 84	10,800
85+	10,000
Jumlah	3,022,600

Kerajaan Negeri sedar akan jumlah kadar populasi golongan wanita muda yang besar di Negeri Selangor. Peranan dan sumbangan wanita yang semakin penting dalam pembangunan negeri perlu dibangunkan satu policy statement untuk menjaga kepentingan wanita-wanita di Selangor.

Oleh yang demikian, antara usaha Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan Institut Wanita Berdaya (IWB) merangka polisi dan strategi yang membawa kepada pemberdayaan dan kemajuan wanita demi merealisasikan Negeri Selangor yang inklusif, lestari dan adil. Matlamat utama IWB adalah untuk meningkatkan status sosio-ekonomi wanita di Selangor dan meningkatkan keupayaan wanita dalam kepimpinan dan pembuat keputusan. IWB juga merupakan landasan bagi memenuhi keperluan wanita Selangor secara inklusif termasuk merangka dasar dan mengkaji institusi keluarga serta kanak-kanak.

Justeru itu, golongan wanita muda juga tidak tercicir dari turut dilibatkan dalam semua program berkaitan seperti :

- i. Konvensyen Kepimpinan Wanita Selangor 2014, dengan tema “Wanita Mandiri, Pembangunan Lestari”;
- ii. Program Advokasi Keselamatan Wanita Negeri Selangor 2015;
- iii. Forum “MakeltHappen : Hormat Wanita” sempenan Sambutan Hari Wanita Sedunia 2015;
- iv. Seminar Antarabangsa ‘IAB Women In Science’ “Women’s Health : Food, Cancer and Cholestrol” 2015;
- v. Forum HeForShe : “Ke Arah kesaksamaan Gender” sempena Pelancaran Kempen HeForShe 2016;
- vi. Seminar Big Girls Talk 2016 kepada remaja perempuan;
- vii. Konvensyen Wanita Selangor 2016, dengan tema “Sustainable Development Goals : No One Left Behind”;
- viii. Forum “PledgeForParity : Kesaksamaan Gender, Ikrar Kita Bersama” sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2016;
- ix. Sesi kupasan buku “I Am Malala” sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2016 bertemakan “Celebrating Women’s Courage”;
- x. Forum “Be Bold For Change : Breaking Stereotypes” sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2017;

- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum menjalankan program atau kajian khusus berkaitan keciciran pekerjaan di kalangan wanita muda bandar. Namun demikian, dalam pelaksanaan Dasar Wanita Selangor proses ini akan dijalankan dalam mencapai Matlamat 3 : Merapatkan Jurang Gender di Semua Peringkat dan Aspek Pasaran Buruh yang memberi tumpuan dalam usaha menggalakkan penyertaan dan pengekalan wanita dalam tenaga buruh. Ini kerana golongan wanita muda yang produktif dan berdaya saing memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan pelbagai program dan skim bagi membantu golongan wanita ini berusaha meningkatkan sosio-ekonomi antaranya Skim Pinjaman Hijrah kepada golongan wanita muda yang berminat untuk memulakan sesuatu perniagaan serta Program Blue Print merupakan bantuan peralatan perniagaan bagi golongan wanita yang mempunyai kemahiran dalam menghasilkan sesuatu produk.
- c) kerajaan Negeri amat prihatin terhadap usahawa-usahawan di Negeri Selangor tanpa mengira gender bahkan mereka yang gagal dalam perniagaan yang diceburi juga mendapat perhatian. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri melalui Skim Pinjaman Hijrah boleh mempertimbangkan permohonan bagi pemohon yang sedang menjalankan perniagaan dan memerlukan bantuan modal perniagaan untuk dikembangkan.

Setakat ini, seramai 16,481 orang wanita daripada 25,923 orang telah menyertai Skim Pinjaman Hijrah. Diharapkan agar para peniaga yang gagal dapat membina semula perniagaan mereka dengan memohon bantuan modal perniagaan Hijrah untuk meneruskan usaha dan pencarian rezeki mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : MASALAH PERPARITAN DI KAMPUNG SUNGAI BUAH LUAR,
DENGKIL**

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakan pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah maklum mengenai ketiadaan sistem perparitan yang sempurna di kawasan ini?
- b) Bolehkan pihak Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk menyelesaikan permasalahan ini memandangkan lot perumahan dikawasan tersebut telah banyak dibangunkan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan dengan Ketua Kampung dan Penolong Jurutera Pajabat Daerah /Tanah Sepang, tiada aduan rasmi diterima. Walau bagaimanapun, pihak Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah mengadakan lawatan turun padang ke Kampung Sungai Buah Luar serta tindakan pencegahan bagi mengatasi perkara ini turut dibincangkan.
- b) Kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi menilai keperluan kos/peruntukan yang terlibat kerana ia melibatkan keseluruhan kawasan kampung dan kawasan persekitaran perumahan di sekitarnya. Sehubungan itu, pelaksanaan perlu melibatkan agensi PBT,PDT, JKR dan JPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : AKTIVITI PENGELUARAN PASIR DI SUNGAI SELANGOR (KAWASAN
SUNGAI RAMBAI DAN KAMPONG ASAHAN)**

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sudahkah kajian dibuat ke atas ekosistem di kawasan berkenaan?
- b) Adakah mata pencarian nelayan darat di kawasan berkenaan akan terjejas?
- c) Bagaimana pula dengan habitat semula jadi (kelip-kelip) di Kampung Kuantan, Kuala Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif yang sudah dan sedang dilaksanakan oleh SSDU?
- b) Siapakah pegawai utama SSDU dan skop tugas mereka?
- c) Butirkan perbelanjaan SSDU dari penubuhan.

JAWAPAN:

- a) Aktiviti utama pada tahun 2016 adalah penyediaan Blueprint Smart Selangor yang kini sedang dikemaskini dengan mengambilkira beberapa inisiatif terkini di peringkat negeri. Blueprint ini bakal siap pada hujung bulan September 2017.

Untuk tahun 2016 dan 2017 juga, beberapa projek perintis telah dilaksanakan di bawah program Smart Selangor yang merangkumi beberapa domain di bawah 12 domain utama.

Projek-projek perintis ini adalah:

1. Projek perintis Pengurusan Sisa Pepejal dengan menggunakan kompaktor baru dan teknologi serta sistem berlandaskan IoT (*Internet of Things*) seperti aplikasi IClean Selangor di Majlis Perbandaran Klang pada 1 Julai 2016 menerusi KDEB Waste Management Sdn Bhd. Pihak kerajaan amat berpuashati dengan kejayaan projek ini dan telah bersetuju untuk mengembangkan perkhidmatan ini kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang pada 1 Mac 2017. Aplikasi IClean sudah dipertingkatkan ke versi 2 pada bulan Julai 2017.
2. Program pelaporan *potholes* menggunakan aplikasi *Waze* di antara 7 PBT (iaitu MBPJ, MBSA, MPK, MPAJ, MPKj, MPS dan MPSJ) dan MBI. Program ini telah dijalankan sejak September 2016 dan bermula dari Januari 2017, pihak SSDU sedang membangunkan *middleware* untuk mengautomasikan proses laporan dan kerja dengan PBT dan menyediakan portal untuk memaklumkan status laporan kepada pelapor. Sistem ini dijangka siap pada bulan Ogos 2017. Program dan sistem ini juga sedang dikembangkan ke 5 lagi PBT di Selangor.

3. Program pembangunan aplikasi pekongsian ide di antara rakyat dan kerajaan (PCP–Public-Citizen Partnership) yang sedang di uji di tiga buah DUN iaitu Kajang, Sungai Pinang dan Seri Setia bermula Mei 2017.
4. Pembangunan aplikasi yang akan membolehkan pelaporan lampu isyarat jalanraya yang bermasalah di negeri Selangor yang dijangka siap pada bulan September 2017.
5. Projek perintis *Safe Community* yang akan dilangsungkan bersama jawatankuasa penduduk dan MBPJ di SS 21 Damansara Utama pada bulan Oktober 2017.
6. Program pembangunan *Smart Selangor Command & Control Centre (CCC)* di Plaza Perangsang yang akan dioperasikan pada bulan Ogos 2017 oleh SSDU bersama beberapa agensi utama seperti Unit Pengurusan Bencana, PBT dan KDEB Waste Management. Salah satu komponen utama yang akan dibangunkan di CCC ini ialah *Smart Selangor Dashboard* yang akan menunjukkan beberapa penanda prestasi utama (*Key Performance Indicators*) tentang penyampaian khidmat kerajaan negeri.
7. Projek pembangunan aplikasi waktu ketibaan bas Smart Selangor di perhentian bas Smart Selangor yang akan siap pada bulan Ogos 2017 di beberapa laluan terpilih di PBT.
8. Pembangunan sistem *Internet of Things* bagi mengukur *Air Quality Index* secara *real-time* yang akan dioperasikan di 80 lokasi terpilih seluruh negeri Selangor. Sistem ini akan dilancarkan secara berperingkat bermula Ogos 2017.

b) Pegawai utama SSDU serta skop tugas mereka adalah seperti berikut:

1. YM Raja Shahreen Bin Raja Othman – Pengarah Program Smart Selangor
2. Dr Fahmi Ngah – Timbalan Pengarah Program Smart Selangor
3. En Suhaimi Tahir – Ketua Pengurusan Program Smart Selangor

- c) Butiran perbelanjaan SSDU dari penubuhan pada bulan Mei 2016 sehingga Jun 2017 (tidak termasuk perbelanjaan untuk Wifi Smart Selangor) adalah seperti berikut:

No	Item Bajet	Perbelanjaan (RM)
1	Pembangunan Blueprint yang merangkumi pelbagai sesi Labs, bengkel kerja, lawatan kerja, kajian, kegunaan perunding dan pakar industri	4,201,467
2	<i>Stakeholders Engagement</i> , Komunikasi, Promosi and Media	1,821,419
3	Kos Inisiatif Perintis (projek 2016 dan projek baru setakat Julai 2017)	2,357,169
4	Penubuhan SSDU, Sewa, Kakitangan, dan Pentadbiran	2,530,238
	Jumlah	10,910,293

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KERJASAMA KERAJAAN NEGERI DENGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan demi memastikan pelaksanaan projek pembangunan dapat di nikmati sepenuhnya oleh rakyat Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menolak cadangan projek daripada pihak Persekutuan selagi mana ianya tidak mendatangkan kemudaratan kepada Kerajaan Negeri mahupun rakyat di Negeri Selangor, bahkan mengalu-alukan dan sentiasa memberi kerjasama terhadap mana-mana projek Persekutuan yang bakal memberi kesan positif kepada rakyat Negeri Selangor tidak kira untuk jangka masa pendek atau panjang.

Sejajar dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur berskala besar seperti lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Ini bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum dan membantu mempermudah pelaksanaan projek pembangunan yang dirancang melalui ulasan-ulasan teknikal semasa sesi rundingan tersebut bagi mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di tapak pembangunan. Selain sebagai medium kawalan, ketetapan ini juga adalah bagi menjamin kepentingan rakyat dalam pelbagai aspek termasuk dalam menikmati manfaat hasil daripada pembangunan yang dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BEKALAN AIR TERPUTUS

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapa kalikah insiden bekalan air terputus dan jumlah pengguna yang terjejas sepanjang tahun 2016 lalu dan 2017 kini.
- b) Apakah penyebab utama bekalan air terputus tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang tahun 2016 dan 2017 sebanyak 46 insiden direkodkan dengan jumlah akaun terjejas secara kumulatif sebanyak 4 juta akaun/pelanggan.

Tahun	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	2016 - 2017
2017	3	2	0	4	2	2	1						14
2016	8	3	1	2	0	0	0	4	2	4	4	4	32
JUMLAH GANGGUAN BEKALAN AIR													46

- b) Penyebab utama gangguan bekalan air adalah seperti berikut.
 - i. Gangguan yang melibatkan henti tugas loji rawatan air yang disebabkan oleh kekurangan sumber air mentah, pencemaran air, kegagalan peralatan dan gangguan bekalan elektrik.
 - ii. Kerja-kerja kecemasan melibatkan penyenggaraan sistem bekalan air dan pembaikan paip pecah yang bersaiz besar melebihi 1,000 milimeter diameter.
 - iii. Terdapat kerja-kerja penyenggaraan sistem bekalan air secara berjadual dan pengalihan paip secara berjadual oleh Air Selangor dan pihak ketiga (contohnya MRT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : GERAJ TIDAK BERLESEN OLEH WARGA ASING

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan tegas Kerajaan Negeri dalam mengesan gerai tidak berlesen warga asing di kawasan luar bandar?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan gerai warga asing ini disekat?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani warga asing yang berniaga tapi menggunakan lesen warga tempatan?

JAWAPAN:

- a) Tindakan tegas yang diambil ke atas gerai tidak berlesen warga asing di kawasan luar bandar ialah dengan menjalankan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM, Imegresan dan lain-lain agensi yang berkaitan. Tindakan sitaan barang perniagaan dan premis akan diambil ke atas peniaga manakala tindakan perobohan struktur akan dilaksanakan sekiranya struktur dibina tanpa kebenaran.
- b) PBT mengambil beberapa pendekatan bagi memastikan gerai warga asing ini disekat daripada beroperasi iaitu dengan mengambil tindakan seperti berikut :
 - i) Tindakan penarikan semula lesen perniagaan dilaksanakan jika mengetahui perniagaan dijalankan oleh warga asing kerana kebanyakan premis disewakan oleh warga tempatan kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan bagi pihak mereka;
 - ii) Menyenarai hitamkan warga tempatan yang menyewakan premis kepada warga asing;
 - iii) Mewujudkan kerjasama daripada komuniti setempat untuk memantau dan melapor perkara tersebut kepada pihak PBT bagi tindakan penguatkuasaan; dan
 - iv) Perkara 4 (f) Undang-undang kecil Penjaja 2007 menyatakan dokumen yang diperlukan dalam permohonan lesen ialah nama, alamat, nombor kad pengenalan, dan gambar terbaru berukuran passport. PBT telah meletakkan syarat-syarat penggunaan warga asing iaitu perkara 11 syarat-syarat am lesen penjaja iaitu **tidak dibenarkan menggunakan pekerja asing tanpa lesen**. PBT juga memperkenalkan Sistem

Pengesahan Pengambilan Lesen yang berfungsi mengesan pemegang lesen bagi memastikan perniagaan dijalankan secara sendiri.

- c) Sekiranya peniaga tempatan menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing dan perkara ini dapat dibuktikan atau pemilik lesen gagal memberi alasan yang munasabah, proses penarikan dan pembatalan lesen akan dilaksanakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : JETI TANJUNG SEPAT

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini projek pembinaan jeti Tanjung Sepat dan benteng penahan ombak yang dilaksanakan oleh JPS.
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan projek pembinaan jeti Tanjung Sepat dan benteng penahan ombak mengalami kelewatan berbanding jadual asal?

JAWAPAN:

- a) Projek ini sedang giat disiapkan dan tarikh siap selepas lanjutan masa adalah pada 15 Ogos 2017. Kemajuan fizikal semasa adalah 95.5% (Jadual) dan 94.4% (Sebenar).
- b) Projek ini mendapat halangan dan bantahan daripada salah seorang pengusaha kedai makanan laut yang menjalankan operasi perniagaan di atas tanah kerajaan (rizab pantai) yang telah menfaikkan saman ke atas kerajaan sedangkan tanah tersebut merupakan tanah kerajaan (rizab pantai).

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Bagaimanapun, terdapat bantahan daripada dua (2) buah restoran yang tidak mahu berpindah dan sebuah tokong yang berada di dalam rizab pantai. Binaan restoran tersebut yang dibina di atas tanah kerajaan perlu dirobuhkan untuk memberi laluan kepada projek ini.

Bersama-sama ini disertakan kronologi isu penguatkuasaan binaan bangunan di atas tapak projek ini yang merupakan tanah kerajaan di bawah rezab pantai untuk rujukan pihak tuan susulan surat daripada pihak UPEN untuk pihak JPS mengangkat kertas pertimbangan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTES) berhubung isu pelaksanaan projek ini melalui surat IPK/Sel.8000/AP/08/48 Jld11 (66) yang telah diterima pada 21 Mac 2017.

**KRONOLOGI ISU PENGUATKUASAAN BINAAN BANGUNAN DI ATAS TAPAK
PROJEK (TANAH KERAJAAN)**

Bil	Tarikh	Perkara
1	27 Mei 2016	Notis Peringatan Kedua pengosongan premis dalam tempoh 30 hari oleh Pejabat Daerah Kuala Langat. Notis pertama dikeluarkan pada 19 November 2015.
2	9 September 2015	Tarikh Milik Tapak
3	17 Januari 2016	Majlis Perasmian Pecah Tanah Projek Jeti Nelayan Tanjung Sepat oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor
4	11 April 2016	Lawatan Tapak ke Jeti Tanjung Sepat diketuai oleh YB Dato' Teng Chang Kim dan turut dihadiri oleh ADUN Tanjung Sepat, Ahli Majlis, Pegawai Daerah dan Jurutera Daerah JPS Kuala Langat serta penduduk dan pengusaha restoran. (19)dIm.PTK.LGT:TK/PK/19 bertarikh 6 April 2016
5	12 April 2016	JPS Daerah Kuala Langat telah menghantar Laporan Ringkas Susulan Lawatan YB Dato' Teng Chang Kim melalui emel bertarikh 12 April 2016. Keputusan perbincangan: <ol style="list-style-type: none"> 1) Tokong akan mendapat penempatan semula di kawasan berhampiran jeti dengan luas kawasan maksimum adalah 16' x 16' tertakluk kepada kesesuaian di tapak. 2) Peruntukan untuk kos pemindahan dan pembinaan semula tokong akan disediakan oleh YB Dato' Teng Chang Kim berjumlah RM50,000.00 3) Gerai makan perlu berpindah sementara ke lokasi perniagaan yang baru sementara kerja-kerja pembinaan disiapkan. 4) Peniaga asal di situ akan diberi keutamaan berniaga di gerai MDKL dan akan diperuntukkan satu gerai setiap seorang (berdasarkan pelan asal MDKL ada 4 bilangan gerai baru akan dibina) 5) Kerja-kerja pembinaan dataran dan jeti disasarkan boleh dilaksanakan tanpa sebarang halangan mulai 1 Jun 2016.

Bil	Tarikh	Perkara
6	4 Mei 2016	<p>MDKL telah menghantar surat kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor memberi maklum balas permohonan memanjangkan tempoh pengosongan tanah rizab dan penempatan semula tapak restoran. (MDKL/JPP/13/54/2015(8) bertarikh 4 Mei 2016.</p> <p>Turut disertakan cadangan susun atur pembangunan di tanah rizab pantai dengan cadang empat (4) unit gerai, 2 unit kiosk, 4 unit wakaf, tandas, parkir kenderaan, tapak tokong dan lain-lain kemudahan awam yang berkaitan. JETTY/Mkm.Batu/Tg.Sepat/M.D.K.Langat/2016 bertarikh 20.4.2016</p>
7	17 Mei 2016	<p>Surat Makluman kepada MDKL menyatakan JPS tiada halangan ke atas cadangan penyusunan semula yang dicadangkan oleh MDKL. JPS juga memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan tapak dataran yang melibatkan kerja-kerja perobohan gerai dan tokong sedia ada akan dilaksanakan mulai Jun 2016 sebagaimana yang telah dipersetujui semasa lawatan tapak bersama YB Dato' Teng Chang Khim pada 11 April 2016. (27)dIm.JPS.K.Lgt.C/214Jld.2 bertarikh 17 Mei 2016.</p>
8	15 Jun 2016	<p>Jemputan perbincangan oleh YB Tuan Ean Yong Hian Wah mengenai isu penguatkuasaan binaan restoran di atas tanah kerajaan.melalui surat pemberitahuan berkaitan pemindahan struktur binaan yang terdapat di atas simpanan jalan 40 kaki berhadapan Lot 4116 (Tanah Kerajaan), di kawasan jeti nelayan 2 Tanjung Sepat, Mukim Batu, Daerah Kuala Langat. (67)dIm.EYHW/mtg/01/16 bertarikh 9 Jun 2016</p> <p>YB Tuan Ean Yong Hian Wah mengarahkan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) MDKL supaya bilangan gerai dipinda daripada 4 nos. kepada 2 nos. Pelan susunatur asal: JETTY/ Mkm.Batu/Tg.Sepat/M.D.K.Langat/2016 bertarikh 20.4.2016 2) Pengusaha restoran memohon lesen pendudukan sementara (TOL) kepada Pejabat Daerah Kuala Langat untuk tapak sementara untuk berniaga sehingga projek siap.
9	4 Julai 2016	<p>Susulan perbincangan dengan YB Tuan Ean Yong Hian Wah, pihak MDKL menghantar surat kepada</p>

		<p>pengusaha restoran untuk mengemukakan permohonan lesen pendudukan sementara (TOL) kepada Pentadbir Tanah Kuala Langat sebagai tapak perniagaan sementara sekiranya mereka bercadang untuk meneruskan perniagaannya.</p> <p>MDKL/JPP/13/54/2015(18) bertarikh 4 Julai 2016</p>
10	26 September 2016	<p>Notis Peringatan Ketiga pemberitahuan berkaitan pemindahan struktur bangunan dan pengosongan premis dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat. Pemakluman akan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara akan dilaksanakan sekiranya notis peringatan gagal dipatuhi.</p> <p>Pengusaha restoran juga dipelawa untuk memohon lesen pendudukan sementara (LPS) dan membuat permohonan untuk tapak baru dengan MDKL</p> <p>-(17)dIm.PTK.Lgt.A2/3/1010/35-P- Ocean Seafood bertarikh 26 September 2016</p> <p>-(18)dIm.PTK.Lgt.A2/3/1010/35-P -Love Bridge bertarikh 26 September 2016</p>
11	29 September 2016	<p>MDKL mengeluarkan surat kepada pengusaha restoran menyatakan bahawa MDKL telah bersetuju untuk membina 2 buah gerai bersaiz 30 kaki x 60 kaki setiap satu dengan kos yang akan dibiayai oleh Pihak Kerajaan Negeri. MDKL juga memaklumkan bahawa bersetuju memberi keutamaan untuk pengisian dua (2) gerai tersebut kepada peniaga sedia ada (En. Lau Swee Lian dan En. Lee Kim Soon) tertakluk kepada kelulusan syarat-syarat permohonan premis perniagaan MDKL serta pematuhan notis dari Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat bertarikh 26 September 2016.</p> <p>MDKL/JPP/13/54/2015(22) bertarikh 29 September 2016</p>
12	11 November 2016	<p>JPS Daerah Kuala Langat menghantar surat kepada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat merujuk surat (17)dIm.PTK.Lgt.A2/3/1010/35-P dan surat (18)dIm.PTK.Lgt.A2/3/1010/35-P bertarikh 26 September 2016.</p> <p>Pihak JPS memohon tindakan penguatkuasaan dibuat segera kerana tempoh 30 hari iaitu pada 26 Oktober 2016 telah tamat.dan kelewatan projek telah berlaku disebabkan halangan tersebut.</p>

13	24 November 2016	<p>JPS Daerah Kuala Langat telah mengadakan mesyuarat untuk menetapkan tarikh perobohan struktur bangunan dalam tapak projek (14)dlm.JPS.K.Lgt.C/214Jld.3 bertarikh 24 November 2016</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pengusaha Restoran Ocean Seafood telah membuat semakan kehakiman dan affidavit telah difailkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 12 Oktober 2016 dan memohon untuk kebenaran ex parte.</p> <p>Mahkamah telah membenarkan penangguhan pelaksanaan (stay of execution) bagi tindakan perobohan restoran tersebut sehingga pelupusan kes setelah pendengaran kes di hadapan YA Dato Haji Mohd Yazid bin Haji Mustafa bagi permohonan kebenaran inter-partes semakan kehakiman di buat pada 23 November 2016.</p> <p>Pihak JPS bersetuju untuk menghentikan segala aktiviti pembinaan dataran berhampiran kawasan restoran tersebut dan menunggu sehingga keputusan mahkamah di buat.</p>
----	------------------	--

Bil	Tarikh	Perkara
14	24 Januari 2017	<p>Lanjutan Masa Pertama Tempoh: 63 Hari Klausa: 43.1 (i) Faktor fenomena air pasang besar beserta angin kencang yang tidak dapat diramal dan luar kawalan kontraktor semasa memasuki tender. Tarikh Siap EOT 1: 28 Mac 2017</p>
15	23 Mac 2017	<p>Pengurusan Kes (CM) di hadapan Puan Nur Zatil Hidayah binti Ali, diuruskan oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat</p>
16	28 Mac 2017	<p>Lanjutan Masa Kedua Tempoh: 64 Hari Klausa: 43.1 (d) Bantahan penduduk tempatan (Kes saman) Tarikh Siap EOT 2: 31 Mei 2017</p>

17	21 April 2017	<p>Perbicaraan kes dihadapan YA Dato'Haji Mohd Yazid bin Haji Mustafa. Keputusan mahkamah tinggi menolak permohonan semakan kehakiman pengusaha restoran Lee Lee Sin dan Lee Kim Soon, yang mengemukakan semakan kehakiman terhadap keputusan Kerajaan untuk merobohkan restoran atas kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN. Plaintiff turut memohon perintah <i>certiorari</i> dan <i>injunction</i> dalam permohonan semakan kehakiman.</p> <p>Mahkamah berkeputusan menolak semua permohonan plaintif dengan kos RM5,000.00 dibayar kepada Pentadbir Tanah Kuala Langat dan Kerajaan Negeri Selangor.</p>
18	26 April 2017	<p>Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, Pegawai Daerah Kuala Langat meminta Jurutera Daerah JPS Kuala Langat untuk menunggu sehingga keputusan mahkamah secara rasmi dikemukakan.</p>
19	23 Mei 2017	<p>Mesyuarat Penyelarasan Perobohan Restoran di Tapak Pembinaan Jeti Tanjung Sepat, Mukim Batu dipanggil oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat.</p> <p>Notis Terakhir untuk perobohan dikeluarkan.</p>

Bil	Tarikh	Perkara
20	26 Mei 2017	<p>Surat oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat untuk permohonan bantuan anggota bagi Kerja-kerja Perobohan di Jeti Tanjung Sepat yang ditetapkan pada 26 Mei 2017. Operasi perobohan dibatalkan pada saat akhir (25 Mei 2017) atas nasihat keselamatan oleh Polis Daerah Kuala Langat.</p>
21	30 Mei 2017	<p>Perbincangan tertutup di antara Ketua Penolong Pegawai Daerah Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat; Pn Norazian Binti Kamaruddin, Ketua Polis Daerah Kuala Langat; superintenden Azizan bin Tukiman dan Jurutera Daerah JPS Kuala Langat, Ir. Atikah Shafie telah diadakan dan dimaklumkan bahawa kerja-kerja perobohan akan dilaksanakan selepas cuti Hari Raya Aidil Fitri (25-26 Jun 2017 – Cuti Umum Hari Raya) dan pihak Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat masih menunggu keputusan mahkamah yang dimeterai.</p>

22	31 Mei 2017	<p>Lanjutan Masa Ketiga Tempoh: 76 Hari Klausa: 43.1 (d) Bantahan penduduk tempatan (Kes saman) Tarikh Siap EOT 3: 15 Ogos 2017</p>
23	15 Jun 2017	<p>Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu oleh Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat di bantu oleh Majlis Daerah Kuala Langat dan Pasukan Khas Polis Daerah Kuala Langat. Dua buah restoran telah dirobohkan.</p>
24	19 Jun 2017	<p>Jemputan Perbincangan Tindakan seterusnya selepas Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Bangunan Tanpa Kebenaran oleh YB Tuan Ean Yong Hian Wah.</p>
25	12 Julai 2017	<p>Salinan surat daripada Majlis Daerah Kuala Langat ke UPEN memohon peruntukan cadangan membina dan menyiapkan gerai makan dan tapak rekreasi di kawasan jeti Tanjung Sepat, Kuala Langat daripada dua (2) gerai kepada enam (6) gerai. MDKL/JPP/13/54/2015 Jld2 (4) bertarikh 4 Julai 2017.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PRESTASI SEKTOR PERLOMBONGAN

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nilai sumbangan semasa sektor perlombongan terhadap perkembangan ekonomi negeri?
- b) Nyatakan produk-produk perlombongan negeri kini?
- c) Apakah strategi, program dan prospek sektor perlombongan negeri?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah sumbangan caruman kadar yang sepatutnya di bayar oleh kerajaan persekutuan kepada setiap agensi/jabatan negeri masing-masing.
- b) Nyatakan jumlah sumbangan caruman kadar yang masih belum di bayar oleh kerajaan pusat kepada agensi/jabatan negeri masing-masing.

JAWAPAN:

Soalan a dan b adalah dijawab bersekali. Untuk makluman, Caruman Membantu Kadar (CMK) yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor serta jumlah tunggakan CMK sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti jadual berikut:

PBT	Tuntutan Caruman Membantu Kadar Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 (RM)	Tunggakan Bayaran Caruman Membantu Kadar Oleh Kerajaan Persekutuan Sehingga 31 Disember 2016 (RM)
MBSA	1,698,177.00	Tiada
MBPJ	2,982,946.56	1,071,002.40
MPK	942,736.47	6,804.00
MPAJ	414,818.98	Tiada
MPSJ	450,819.55	Tiada
MPSp	2,385,993.79	Tiada
MPKj	2,623,053.43	1,243,458.20
MPS	1,493,398.25	Tiada
MDKL	397,210.60	Tiada
MDHS	761,395.00	Tiada

PBT	Tuntutan Caruman Membantu Kadar Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 (RM)	Tunggakan Bayaran Caruman Membantu Kadar Oleh Kerajaan Persekutuan Sehingga 31 Disember 2016 (RM)
MDKS	349,758.72	Tiada
MDSB	301,700.00	18,930.00
JUMLAH KESELURUHAN	14,802,008.35	2,340,194.60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : ISU PENGELUARAN KERANG

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kajian yang telah dilakukan oleh agensi yang bertanggungjawab ke atas isu berbangkit, iaitu kekurangan pengeluaran kerang dari tahun 2015 hingga kini?

- b) Apakah rumusan kajian berkenaan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : TANAH YANG TELAH DIUSAHAKAN OLEH FELDA DI SG TENGI
SELATAN**

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Negeri melalui MB Incorp mengambil tanah yang telah diusahakan Felda seluas 100 ekar di Felda Sg Tenggi Selatan. Apakah manfaat yang diperolehi oleh peneroka dari pengambilan tanah tersebut?
- b) Mengapa tanah tersebut tidak diagihkan kepada generasi dan peneroka felda?

JAWAPAN:

a) dan (b) akan dijawab bersama:

Tanah-tanah yang terlibat di kawasan tersebut merupakan tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri tidak pernah melakukan sebarang usaha pengambilan hak milikan tanah ke atas tanah-tanah tersebut berlandaskan Akta Pengambilan Tanah 1960 kerana pada setiap masa yang material, tanah-tanah tersebut adalah merupakan tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan bukanlah tanah-tanah persendirian yang dimiliki oleh mana-mana syarikat atau individu.

Sehubungan dengan itu, mana-mana pihak lain yang memasuki dan menjalankan apa-apa aktiviti di atas tanah-tanah tersebut adalah tidak mengikuti peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tanah-tanah tersebut hanya diberi hak milikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selepas keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 4 Julai 2012 (MMKN No.: 25/2012).

Pada 31 Disember 2013, kaveat-kaveat persendirian telah berjaya dimasukkan ke atas tanah-tanah tersebut oleh pihak-pihak tersebut melalui Felda Sg. Tenggi Selatan (Koperasi Felda).

Pada 7 April 2015, MBI telah pun memasukkan permohonan untuk cadangan pemotongan kaveat-kaveat persendirian bertarikh 31 Disember 2013 yang telah didaftarkan ke atas tanah-tanah tersebut. Pihak-pihak yang memasuki tanah-tanah tersebut seterusnya telah membantah kepada cadangan pemotongan kaveat-kaveat persendirian tersebut dengan memfailkan satu tindakan mahkamah di bawah Saman Pemula No.: 24-648-05/2016 (Tindakan

Mahkamah). Di dalam Tindakan Mahkamah tersebut, Koperasi Felda juga telah memohon, antara-lain, untuk melanjutkan kaveat-kaveat persendirian tersebut.

Pada 21 Oktober 2015, MBI melalui peguamcaranya telah pun mengeluarkan notis pengusiran melalui proses penampalan di kawasan tanah-tanah tersebut. Walaubagaimanapun, notis pengusiran tersebut enggan dituruti oleh kerana aktiviti-aktiviti pencerobohan dan penerokaan haram yang berlaku di atas tanah-tanah tersebut masih terus berlaku.

Pada 5 Januari 2016, Tindakan Mahkamah tersebut yang difailkan oleh Koperasi Felda telah ditolak Mahkamah dengan bayaran kos berjumlah RM3,000.00 hendaklah dibayar oleh Koperasi Felda kepada MBI. Meskipun Tindakan Mahkamah tersebut telah ditolak oleh Mahkamah, aktiviti-aktiviti pencerobohan dan penerokaan haram yang berlaku di atas tanah-tanah tersebut masih terus berlaku.

Setakat 11 Julai 2017, pihak-pihak yang memasuki tanah-tanah tersebut masih sedang berada di peringkat akhir rundingan bagi menyelesaikan isu ini berasaskan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh pihak pengurusan MBI dan berlandaskan undang-undang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGEZONAN TANAH RUMAH IBADAT ISLAM DAN RUMAH IBADAT
SELAIN ISLAM DI SELANGOR**

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan menetapkan syarat kepada semua pemaju supaya menyediakan tanah rizab untuk rumah ibadat Islam dan rumah ibadat selain Islam untuk setiap kelulusan permohonan pembangunan projek?
- b) Adakah Kerajaan bersedia mengecualikan cukai tanah / cukai pintu terhadap tempat beribadat?

JAWAPAN:

- a) Bagi tujuan kelulusan permohonan pembangunan sesebuah projek, Kerajaan Negeri menggunakan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang telah diluluskan pemakaiannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memastikan semua pemaju mematuhi Manual Garis Panduan tersebut bagi semua permohonan pembangunan projek yang dikemukakan untuk pertimbangan.
- b) Merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 8/2011, iaitu berkaitan Garis Panduan Kegunaan Tanah Untuk Tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam Di Negeri Selangor, garis panduan ini antara lain telah memaklumkan bahawa MMKN ke 15/2011 yang bersidang pada 27 April 2011 telah meluluskan cadangan pelaksanaan pewartaan rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor. Lanjutan daripada itu, tiada cukai dikenakan ke atas tanah bagi tujuan keagamaan yang diwartakan di bawah Pegawai Pengawal, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KUALA SELANGOR TERKENAL DENGAN KAWASAN SUMBER SERAI

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bersediakah kerajaan negeri memberi kebenaran kepada usahawan-usahawan yang berminat memperluaskan tanaman serai untuk menggunakan tanah-tanah terbiar kerajaan di Kuala Selangor?
- b) Apakah syarat-syaratnya sekiranya dibenarkan?

JAWAPAN:

- a) Kebenaran menggunakan tanah terbiar milik Kerajaan adalah tertakluk kepada kebenaran dan kelulusan agensi atau jabatan yang menjadi pemilik tanah tersebut. Pihak Jabatan Pertanian tidak mempunyai masalah membantu petani atau usahawan yang mendapat kebenaran mengusahakan tanah-tanah terbiar milik kerajaan dengan tanaman serai.
- b) Sekiranya dibenarkan, petani boleh datang kepada Jabatan Pertanian daerah Kuala Selangor untuk bantuan dan khidmat nasihat.